



## PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TINGKAT 4, BLOK A & B, WISMA NEGERI, NO. BEG BERKUNCI 39,  
JALAN DATO' ABDUL KADIR,  
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

www.ns.gov.my/ptgns

Pentadbiran : 06-765 9826/9831  
Pembangunan : 06-765 9823/9835  
Hasil : 06-765 9949/9756

Pendaftaran (Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9842/9843  
Pendaftaran (Hak Milik Strata) : 06-765 9839/9793  
Faks (Pengarrah) : 06-762 2563  
Faks (Pendaftaran Hak Milik Strata) : 06-767 4369  
Faks (Pendaftaran Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9048

Rujukan Kami : Bil (32) dlm PTG.NS 19/55 Klt.8

Tarikh : 06 Julai 2020

### SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

### PENETAPAN KAEDAH PEMBERIAN DISKAUN PREMIUM BAGI PEMBERIMILIKAN TANAH DAN PEMBANGUNAN TANAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) yang diadakan pada **24 Jun 2020** melalui Kertas Mesyuarat No. 973/2020 telah mengambil keputusan seperti berikut:

- i. **Diberikan** diskaun premium pemberimilikan tanah dan pembangunan tanah sebanyak **25%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh 21 hari dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah;
- ii. **Diberikan** diskaun premium pemberimilikan tanah dan pembangunan tanah sebanyak **15%** kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium sekaligus dalam tempoh 60 hari dari tarikh menerima Notis 5A atau 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah;
- iii. Pentadbir Tanah Daerah diminta untuk mengeluarkan Notis 5A/7G **SERTA MERTA** selewat – lewatnya dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh penerimaan penilaian JPPH; dan
- iv. Lain – lain syarat kelulusan adalah seperti di **para 4.1.3 – 4.1.5** Kertas Mesyuarat No. 973/2020 seperti berikut:

- a) para 4.1.3: Bayaran ini perlulah dibuat dalam tempoh keistimewaan yang dinyatakan dan diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah atau Timbalan Pentadbiran Tanah Daerah. Bayaran secara *postdated cheque* yang melangkaui tempoh keistimewaan ini adalah tidak sah dan tidak layak menikmati keistimewaan ini;
- b) para 4.1.4: Pemberian diskaun premium pemberimilikan tanah dan pembangunan tanah tidak terpakai kepada pemohon yang telah diluluskan rayuan pengurangan premium oleh MMKNS dalam permohonan yang terdahulu bagi projek / fail yang sama; dan
- c) para 4.1.5: Pemohon yang **gagal membuat bayaran dalam tempoh setahun** dari tarikh menerima Notis 5A atau Notis 7G daripada Pentadbir Tanah Daerah, Pentadbir Tanah Daerah diminta untuk mendapatkan nilai semula **kadar premium yang baru** daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Sembilan.

3. Tarikh kuatkuasa kemudahan / keistimewaan ini mulai 17 Jun 2020 mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada tarikh tersebut serta kenyataan media oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Sehubungan dengan itu, mana – mana Notis 5A atau Notis 7G yang diterima oleh pemohon pada 18 Jun 2020 dan ke atas sahaja yang layak untuk menikmati kemudahan / keistimewaan ini.

4. Kerjasama dan perhatian dari tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**( DATO' HAJI ZULKIFLI BIN BAHARAN )**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

s.k Fail Timbul